

# Anwar, DAP akan hadir ke PAU 2023

Oleh MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN dan NUR SABRINA MOHD. ROZI  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2023 minggu depan mencipta sejarah apabila menyaksikan pemimpin parti-parti politik yang membentuk Kerajaan Perpaduan termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir ke program itu.

DAP yang pernah berseteru selama puluhan tahun dengan parti yang berteraskan perjuangan Melayu dan Islam itu juga akan hadir ke PAU 2023 sebagai tetamu khas di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, selain Anwar dan pemimpin parti komponen dalam Kerajaan Perpaduan, ia akan turut disertai 19 parti politik yang menyokong Kerajaan Persekutuan.

"Tahun ini ada sedikit kelainan dan UMNO bertuah kerana PAU akan turut dihadiri Perdana Menteri bersama 19 presiden parti yang bergabung di bawah Kerajaan Perpaduan.

"Ini adalah peristiwa yang bersejarah buat PAU kali ini," katanya kepada pemberita semasa

**Tahun ini ada sedikit kelainan dan UMNO bertuah kerana PAU akan turut dihadiri Perdana Menteri bersama 19 presiden parti yang bergabung di bawah Kerajaan Perpaduan."**

**ASYRAF WAJDI DUSUKI**

sidang akhbar di Menara Dato' Onn, di sini, semalam.

Semasa PAU 2022 pada Januari lalu, UMNO tidak mengundang mana-mana pemimpin Kerajaan Perpaduan dan hanya melibatkan parti komponen Barisan Nasional (BN) dan 'Friends of BN' untuk menyelesaikan masalah dalaman parti dan gabungan itu.

Mengulas lanjut, Asyraf berkata, dianggarkan seramai 6,341 jumlah perwakilan ke PAU 2023 menyaksikan PAU dihadiri 2,888 orang; 1,159 perwakilan bagi sayap Wanita; 1,160 perwakilan bagi sayap Pemuda dan

1,134 sayap Puteri.

Katanya, PAU kali ini turut dijangka membahaskan pelbagai isu melibatkan ekonomi, politik, agama, kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat.

Jelasnya, UMNO bercadang membuat beberapa pindaan perlembagaan parti antaranya membenarkan pendaftaran ahli secara dalam talian.

Ini kerana, pada masa ini sebarang permohonan untuk menyertai parti itu perlu melalui dan mendapat kelulusan ketua cawangan UMNO.

"Saya menjangkakan banyak usul dari negeri-negeri lain untuk membicarakan soai ekonomi rakyat serta isu yang menyentuh soal agama akan menjadi satu kelaziman dalam acara perhimpunan tahunan.

"Selain itu, kita banyak terima maklum balas daripada anak-anak muda yang mahu sertai UMNO tetapi menjadi sukar disebabkan kekangan perlembagaan, contohnya, setiap pendaftaran itu perlu dapat kelulusan ketua cawangan," katanya.

Mengulas lanjut, Asyraf menafikan kenyataan Ketua Pemuda UMNO, Dr. Muhamad Akmal Saleh bahawa sayap itu tidak akan menjemput parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan ke PAU 2023 bagi sayap pemuda.